

# Sikap berani seorang wartawan

811-3/12/2006  
**K**EBANGKITAN Datuk Onn Jaafar sebagai pejuang politik tulen negara banyak dipengaruhi kerjayanya ketika menjadi seorang wartawan surat khabar selama enam tahun hingga memberi kesan kepada perjuangan politiknya.

Prof Mohd Sarim Mustajab dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), berkata pembabitan Onn sebagai seorang wartawan dan penerbit akhbar perlu diperhalusi ketika membincangkan pemikirannya yang terus relevan dalam kancah politik negara hingga ke hari ini.

Beliau yang membentangkan kertas kerja bertajuk 'Wartawan dan Surat Khabar: Reaksi Seorang Elit' berkata, ketokohan Onn dalam bidang kewartawanan boleh disifatkan setanding atau melebihi tokoh wartawan negara seperti Abdul Rahim Kajai.

Katanya, tindakan Onn yang sering mengkritik pemerintahan Sultan Ibrahim, terutama pada awal 1930-an menunjukkan sikap berani seorang wartawan yang belum pernah dilakukan mana-mana wartawan pada zamannya.

"Kerjaya kewartawanan bermula pada 1929 apabila dibuang negeri ke Singapura oleh Sultan Ibrahim dengan ditawarkan sebagai Pengarang Mingguan di *Sunday Mirror*," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, Onn menjadi satu-satunya wartawan negara hingga ke hari ini, yang memimpin tiga akhbar sekali gus, iaitu Warta Malaya, Lembaga Malaya serta Lembaga dan ini membuktikan bahawa rakyat menerima penulisannya yang kritis dengan mengkritik masyarakat orang Melayu sendiri.

Katanya, sepanjang pembabitan Onn sebagai wartawan, beliau tidak pernah berhenti menggunakan masyarakat Melayu sebagai bahan tulisannya.

"Keberanian Onn mengkritik Sultan Melayu secara terbuka yang didakwanya mengabaikan tanggungjawab sebagai pemimpin perwakilan masyarakat Melayu juga mendahului wartawan pada zamannya," katanya.